
DALAM era globalisasi, membaca adalah suatu keperluan. Seseorang yang ingin menambah ilmu dan maju dalam kehidupan, perlu menjadikan membaca sebagai makanan harian. Revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mengubah bukan saja cara manusia berkomunikasi, berinteraksi, mengurus niaga, malah membaca dan membuat rujukan. Kita harus akui telah lahir satu generasi yang hanya memahami satu bahasa saja - bahasa internet. Mereka seolah-olah tidak selesa memanfaatkan buku dalam bentuk tradisional. Lagipun, mereka berpendapat bahan bacaan bukan saja boleh diperoleh daripada buku teks dan rujukan pula bukan hanya di perpustakaan. Menerusi internet, apa yang perlu hanya hujung jari untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan maklumat. Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengajak rakyat menerapkan sikap dan budaya gemar membaca termasuk karya sastera bagi menjadikan Malaysia 'negara pembaca' dan setaraf penduduk negara maju. Menerusi pembacaan akan membawa masyarakat selangkah ke hadapan, menghubungkan kumpulan sosial dan mewujudkan semangat setiakawan dan celik minda. Ia juga meningkatkan kemahiran dalam menghadapi saingan pada peringkat global.

Malangnya, walaupun kempen menyemai budaya membaca di kalangan rakyat kita sudah lama dijalankan, belum nampak kesan yang ketara. Malah ada yang mendakwa masyarakat kita malas membaca dan jika membaca pun, lebih cenderung kepada bahan hiburan atau komik. Ini mungkin juga ada kaitan kurangnya penerbitan buku ilmiah di pasaran tempatan. Jika kita berpandukan kepada negara maju seperti di Amerika Syarikat, Eropah atau Jepun, dunia penerbitan di Malaysia masih jauh terkebelakang. Masyarakat negara itu memang gemar membaca. Sebagai penanda aras, jika jumlah penduduk sejuta orang, seharusnya sebanyak 100,000 judul buku diterbitkan setiap tahun. Di Malaysia, penerbitan buku baru tidak sampai 10,000 judul setahun. Daripada 10,000 itu pula, penerbitannya terbahagi kepada pelbagai bahasa dan tidak semua bahasa Melayu. Sesetengah pihak mengaitkan tabiat membaca tidak berkembang disebabkan kurangnya bahan bacaan. Mungkin langkah kerajaan memberikan insentif pengecualian cukai kepada mereka yang ingin menerbitkan buku ilmiah dan pengetahuan, boleh mengubah senario ini, selain memberikan galakan menulis, menerbit dan menjual buku.

Kita ingin melihat minat membaca di kalangan rakyat subur sehingga menjadikannya tabiat ketika menaiki LRT, bas dan kereta api seperti berlaku di negara maju. Pada masa yang sama, perpustakaan awam harus diperkasakan supaya dapat menarik minat ramai terutama pelajar. Banyak pendidik dan pustakawan gelisah kerana perpustakaan semakin kurang dijejaki pelajar dan generasi muda. Ini bukan bermakna mereka tidak mencari bahan atau membuat rujukan tetapi kerana tiada tarikan baru, mereka lebih cenderung melayari pustaka maya menerusi internet. Langkah mengadakan lebih perpustakaan digital mungkin satu cara untuk menarik generasi muda menjadikan pembacaan sebagai tabiat harian, bukan sekadar mengisi masa lapang.

Tajuk Artikel: MPAJ sita 15 rumah urut haram

Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 30 Mac 2007 – Jumaat

AMPANG: Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengambil tindakan tegas dengan menyita 18 rumah urut di kawasan itu bermula awal tahun hingga Mac ini kerana didapati beroperasi tanpa lesen dan melanggar syarat perniagaan.

Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussein, berkata daripada jumlah itu sebanyak tujuh pengendali perniagaan didapati melanggar syarat perniagaan manakala 11 berniaga tanpa menggunakan lesen.

"Ia adalah hasil daripada 165 pemeriksaan yang dilakukan Jabatan Penguatkuasa MPAJ sepanjang tahun ini dalam usaha MPAJ mengurangkan masalah peniaga tidak berlesen serta membanteras kegiatan aktiviti tidak bermoral di rumah urut.

"Selain itu, pemeriksaan itu juga dijalankan bagi meneruskan kesinambungan langkah kerajaan negeri Selangor bulan lalu mengadakan operasi menggempur semua rumah urut di negeri itu selama dua minggu," katanya kepada pemberita selepas majlis Hari Bertemu Pelanggan bersama MPAJ di sini.

Abdul Hamid berkata, antara kesalahan pengusaha rumah urut yang dikenal pasti sepanjang pemeriksaan yang dijalankan adalah kegagalan menunjukkan lesen perniagaan sah, beroperasi melewati tempoh yang ditetapkan dan menjalankan aktiviti yang berunsurkan maksiat.

"Untuk itu, kami akan mengadakan operasi serta pemeriksaan dari semasa ke semasa bagi memantau kegiatan semua rumah urut di sekitar daerah ini, termasuk status operasi mereka supaya mereka tidak mengulangi kesalahan sama.

"Mereka (pengusaha rumah urut yang sah) tidak perlu takut operasi perniagaan mereka diganggu kerana pemeriksaan itu hanya akan membabitkan pengusaha tidak berlesen serta menjalankan aktiviti tidak bermoral saja melalui aduan yang diterima orang ramai.

Tajuk Artikel: 'Perbaharui lesen niaga'

Sumber / Tarikh: Berita Harian Online 30 Mac 2007 – Jumaat

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan

MBPJ gesa pemilik restoran, premis makan bertindak segera elak kena saman

PETALING JAYA: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memberi amaran tegas kepada setiap pengusaha restoran dan gerai makanan di bandar raya ini supaya memperbaharui lesen perniagaan yang sudah tamat tempoh sah bagi mengelakkan mereka disaman.

Datuk Bandar MBPJ, Mohamad Roslan Sakiman, berkata MBPJ akan mengarahkan enam pegawainya untuk memeriksa lesen perniagaan setiap restoran dan gerai makanan dalam tempoh terdekat dan jika didapati ada pengusaha yang tidak mematuhi amaran itu, mereka boleh dikenakan tindakan tegas undang-undang termasuk saman.

"Pengusaha perlu melakukannya sebagai mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan MBPJ yang mewajibkan setiap pengusaha premis restoran dan gerai memperbaharui lesen perniagaan mereka setiap tahun.

"Ada pengusaha restoran yang menggantung lesen perniagaan tahun lalu walaupun sepatutnya mereka mempamerkan lesen tahun ini," katanya pada majlis penganugerahan sijil penggredan restoran-restoran 2007 yang dianjurkan MBPJ di Dewan Sivik MBPJ, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, 100 restoran sekitar Petaling Jaya mendapat anugerah Premis Bersih 2007 kerana mendapat gred A bagi tahap kebersihannya dan mereka menerima sijil penghargaan serta plak untuk digantung pada premis itu.

Daripada jumlah itu, sebanyak 10 restoran diberi anugerah Restoran Terbaik 2007 dan ia ditentukan menerusi markah tertinggi yang diperolehi 100 restoran itu.

Mohamad Roslan berkata, penganugerahan itu yang julung kali diadakan akan dijadikan acara tahunan kerana ia adalah satu cara dibuat MBPJ bagi menggalakkan pengusaha restoran menjaga kebersihan premis dan pelayan mereka.

"Pemilihan restoran itu dibuat menerusi sistem gred dan bagi pengusaha yang berjaya mendapat anugerah itu, mereka memperoleh markah 76 peratus ke atas yang melayakkan mereka diberi gred A," katanya.

Mohamad Roslan berkata, bagi memberi markah kebersihan, pegawai MBPJ akan memeriksa setiap restoran dan pengusaha yang mendapat gred C iaitu bawah 50 peratus, mereka perlu menutup perniagaan dan membersihkannya.

"Keadaan restoran yang bersih amat penting dalam memastikan keselesaan dan kesihatan pelanggan berada pada tahap terbaik," katanya.

Sementara itu, Mohamad Roslan menggesa orang ramai supaya hanya mengunjungi premis restoran yang mendapat gred A supaya premis restoran gred B dan C akan berusaha memperbaiki keadaan bagi mendapatkan gred A untuk menjual produk mereka.

Dengan anugerah itu juga, ia mewujudkan persaingan yang sihat antara premis dan memberi keuntungan bukan saja kepada pengusahanya tetapi juga kepada pengunjung.

Tajuk Artikel: Malaysia tiada kaitan kes selatan Thai – PM

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 30 Mac 2007 – Jumaat

Daripada OTHMAN MOHAMAD

RIYADH 29 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak pernah wujud bukti mengaitkan mereka yang sering ditahan di selatan Thai kerana disyaki golongan pemisah, dilatih dan merancang aktiviti mereka di Malaysia.

Sambil menegaskan bahawa tidak ada bukti ia melibatkan rakyat Malaysia, Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa Malaysia sentiasa menyasat setiap kali isu berkaitan timbul.

“Ia merupakan ‘tuduhan’ yang sering kita dengar tetapi kita tetap siasat... dan selama ini tidak ada kes. Jika ada sekalipun, kita akan ambil tindakan,” katanya yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri.

Abdullah ditanya oleh wartawan Malaysia kenapa pihak Malaysia acap kali dikaitkan dengan aktiviti gerakan pemisah di selatan negara jiran itu.

Beliau berada di sini kerana menghadiri Sidang Kemuncak Liga Arab Ke-19 atas jemputan Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdulaziz Al-Saud serta Liga Arab sendiri.

Perdana Menteri menegaskan, penahanan kumpulan terbaru yang turut memiliki mata wang Malaysia, selain bahan-bahan lain yang boleh menjadi komponen membuat bom oleh pihak berkuasa Thailand di selatan negara itu, bukanlah membuktikan mereka disertai oleh rakyat Malaysia, dilatih di Malaysia ataupun merancang sesuatu di Malaysia.

Kelmarin, pihak berkuasa Thailand menahan lapan lelaki dan tiga wanita yang disyaki pemberontak, dalam satu serbuan di kawasan wilayah selatan Thailand yang bergolak awal pagi ini, dan merampas beberapa senjata api serta komponen membuat bom, dan juga mata wang Malaysia serta Thailand.

Panglima Tentera Thailand, Jeneral Sonthi Boonyaratglin berkata, antara yang ditahan termasuk empat orang yang mempunyai waran tangkap, manakala wanita itu adalah antara pemimpin utama perkumpulan wanita pergerakan pemisah.

Dua senjata M-16, dua senapang patah, sepucuk pistol, tiga set walkie-talkie, 10 guni baja urea dan 18 utas jam turut ditemui dalam serbuan di Tanjong Limo, dalam daerah Rangse.

Perdana Menteri berkata, apa yang boleh dikaitkan dengan pemilikan ringgit Malaysia oleh golongan itu ialah mereka mungkin bersiap untuk melintasi sempadan ke Malaysia.

“Mana-mana orang boleh memiliki mata wang Malaysia, begitu juga dolar Amerika tetapi (dalam kes ini) Ringgit Malaysia lebih memudahkan kerana Malaysia negara paling hampir,” jelasnya.

Lagipun, katanya, rakyat Thailand mudah keluar masuk ke Malaysia dengan dokumen sah.

Mengenai isu dua kerakyatan yang sering juga dikaitkan dalam kes-kes seumpama itu, Abdullah berkata, Malaysia dan Thailand telah bersetuju masing-masing menyediakan senarai mereka yang disyaki dan kemudian membuat perbandingan, berasaskan biometrik untuk menyelesaikannya.

Lebih 2,100 nyawa terkorban sejak keganasan meletus di tiga wilayah selatan Thailand yang bersempadan dengan wilayah Songkhla sejak Januari 2004.

– Utusan

Tajuk Artikel: Malaysia sedia bantu Lebanon

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 30 Mac 2007 – Jumaat

RIYADH 29 Mac – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Lebanon mengharapkan Malaysia menyegerakan bantuan ekonomi dan pembangunan semula, selain meneruskan usaha diplomatik bagi memulihkan keadaan di negara yang bergolak itu.

Menurut Perdana Menteri, bantuan berkenaan menjadi keutamaan kepada Lebanon, lebih-lebih lagi selepas serangan rejim Israel tahun lepas.

Harapan Lebanon kepada bantuan Malaysia itu disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri, Fouad Siniora dalam pertemuan dengan Abdullah di sini sejurus sebelum kedua-dua pemimpin itu menghadiri Sidang Kemuncak Liga Arab.

Abdullah memberitahu wartawan Malaysia di Istana Tetamu di sini bahawa Fouad juga menganggap Malaysia sebagai negara contoh yang boleh diteladani oleh Lebanon memandangkan kedua-dua negara mempunyai persamaan dari segi penduduknya yang berbilang agama; dan Malaysia berjaya memastikan mereka hidup harmoni dan maju.

Mengenai bantuan ekonomi, kata Abdullah, Fouad berharap Malaysia dapat menghantar segera pasukan daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) bagi melaksanakan kajian berhubung sejumlah projek yang dirancang termasuk dalam usaha memperkenalkan sistem seperti MyKad.

Sambil menyatakan pihak Malaysia sedia berbuat demikian, Abdullah memberitahu bantuan juga boleh disalurkan menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) termasuk dari segi pembangunan modal insan.

Semasa di sini, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Raja Abdullah II dari Jordan, yang antara lain menekankan betapa perlunya rakyat Palestin dikembalikan tanah mereka dalam usaha mencari perdamaian menyeluruh di Asia Barat.

Abdullah juga bertemu Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla yang turut menghadiri sidang kemuncak ini dan perbincangan menjurus kepada usaha meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi.

Selain menyatakan Presiden Indonesia berpuas hati dengan penglibatan aktif syarikat Malaysia dalam pelaburan di Indonesia, Jusuf berharap usaha sedemikian dapat dipertingkatkan.

"Indonesia mengharapkan kerjasama lebih besar dalam sektor kelapa sawit terutama dalam memajukan industri hiliran berasaskan kelapa sawit," katanya sambil menambah ia akan meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat republik itu selain meningkatkan keupayaan mengeksportnya.

Sementara itu, dalam perjalanan pulang ke tanah air, Perdana Menteri singgah di Mekah untuk mengerjakan umrah.

- Utusan

Tajuk Artikel: Piawaian baru untuk bina hospital

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 30 Mac 2007 – Jumaat

KUALA LUMPUR 29 Mac – Kementerian Kesihatan sedang menyediakan satu piawaian baru untuk pembinaan dan penyelenggaraan hospital di negara ini, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad. Beliau berkata, sebanyak RM20 juta diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi proses merangka piawaian baru itu.

Katanya, untuk melangkah ke hadapan sebagai sebuah negara maju, Malaysia memerlukan satu piawaian tersendiri bagi pembinaan dan penyelenggaraan hospital.

"Kini kita menggunakan piawaian negara lain bagi menyelia dan mengawal cara hospital dibina atau diselenggara.

"Kementerian Kesihatan kini sedang merangka 64 piawaian awal terutama untuk menjaga kualiti pembinaan bilik pembedahan yang menjadi nadi utama sebuah hospital.

"Pendekatan secara menyerap dan menyesuaikan piawaian antarabangsa untuk kegunaan negara ini akan diambil dan akan ditambah mengikut keperluan dan kesesuaian keadaan," katanya selepas merasmikan Seminar Sistem Paip Gas Perubatan, di sini hari ini.

Menurutnya, selepas piawaian itu siap, hanya syarikat atau individu yang berkelayakan sahaja akan dibenarkan mengendalikan dan mengurus pembinaan serta penyelenggaraan hospital di negara ini.

Tambahnya, keputusan mewujudkan piawaian tersebut telah lama dicadangkan dan bukan berpunca daripada masalah yang dihadapi oleh beberapa projek hospital baru-baru ini.

Sejak akhir-akhir ini, banyak pendedahan dibuat media mengenai masalah dalam pembinaan dan penyelenggaraan beberapa hospital baru di seluruh negara.

Antara masalah yang dihadapi termasuk kerosakan pada sistem pengudaraan, sistem pensterilan, salur paip gas perubatan (oksigen dan nitrous oksida) dan masalah struktur bangunan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia (PPIPBM), Datuk Raja Nong Chik Datuk Raja Zainal Abidin berkata, satu piawaian dan kualiti kerja amat diperlukan bagi pembinaan dan penyelenggaraan hospital.

“Kita tidak boleh lagi menumpukan perhatian kepada faktor harga dan keuntungan semata-mata bila menyediakan kemudahan bagi merawat pesakit.

“Sebarang alasan untuk kecuaiian atau kegagalan kontraktor menyediakan kemudahan yang diperlukan hospital tidak boleh diterima memandangkan ia melibatkan nyawa orang ramai,” ujarnya.

Jelasnya, piawaian yang hanya memberikan kontrak kepada pihak bertauliah sahaja akan dapat menjamin kualiti, keberkesanan dan operasi berterusan sesebuah hospital.

Tajuk Artikel: Larangan bawa cecair dalam pesawat akan dikuat kuasa

Sumber / Tarikh: Utusan Malaysia Online 30 Mac 2007 – Jumaat

PUTRAJAYA 29 Mac – Malaysia akan melaksanakan peraturan melarang penumpang pesawat penerbangan antarabangsa daripada membawa barangan berupa cecair, gel dan aerosol melebihi 100 milimeter dalam begasi tangan tidak lama lagi.

Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Datuk Ir. Kok Soo Chon berkata, penguatkuasaan larangan itu akan diumumkan tidak lama lagi setelah semua agensi terbabit bersedia sepenuhnya.

“Langkah berjaga-jaga ini hanya untuk begasi tangan sahaja, namun penumpang boleh membawa cecair, gel dan aerosol dalam apa jua sukatan dalam begasi yang didaftar di kaunter daftar masuk.

“Mereka yang ingin membawa barangan berkenaan bersama begasi tangan perlu mengasingkan barang-barang tersebut dalam plastik lut sinar yang ditutup rapat dan ia perlu melalui mesin pengimbas,” katanya pada sesi taklimat di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengurus Besar Kanan Operasi Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd., Datuk Azmi Murad dan Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan dan Keselamatan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Datuk Kamaruddin Mohd. Ismail.

Menurut Soo Chon, peraturan itu adalah selaras dengan saranan Badan Penerbangan Awam Antarabangsa yang ditubuhkan pada 1944 dan ia telah dilaksanakan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Jepun, Korea, Hong Kong dan Filipina.

Mengulas mengenai peraturan itu, Soo Chon berkata, walaupun Badan Penerbangan Awam Antarabangsa tidak memberikan definasi mengenai cecair, gel dan aerosol itu, tetapi ia adalah berdasarkan kepada pemahaman masing-masing.

Sekiranya penumpang inginkan garis panduan mengenainya, beliau berkata, pihak MAHB dan AirAsia akan memberikan butiran lanjut.

"Bagaimanapun terdapat beberapa pengecualian terhadap peraturan itu yang membenarkan penumpang membawa susu bayi melebihi 100 milimeter berdasarkan keperluan penerbangan, ubat-ubatan dan barangan yang dibeli di kedai bebas cukai.

"Bagi barangan yang dibeli di kedai bebas cukai, barangan itu perlu dimasukkan ke dalam plastik dan penumpang perlu menunjukkan bukti-bukti pembelian," katanya.

Beliau memberitahu, dengan adanya kenyataan awal mengenai peraturan itu sebelum pengumuman dilakukan, pengguna kapal terbang akan memahami mengenainya dan tidak akan berasa kurang selesa setelah peraturan itu dilaksanakan.

Apabila peraturan itu diperkenalkan, kata Soo Chon, pihaknya akan mempunyai perancangan yang lebih teratur dan dalam masa yang sama ia akan memenuhi kehendak negara-negara lain yang telah melaksanakannya.

Tajuk Artikel: Lelaki maut ditetak di stesen minyak

Sumber / Tarikh: Harian Metro Online 30 Mac 2007 – Jumaat

Oleh Mohd Nur Asnawi Daud

SUBANG JAYA: "Abang tolong...", itulah jeritan seorang lelaki yang 'bermandi darah' sebelum menghembuskan nafas yang terakhir selepas diserang sekumpulan lelaki di sebuah stesen minyak di Lebuhraya Kesyahsarian di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 11 malam itu, mangsa yang ditikam di dada dan belakang selain ditetak di kepala sempat berlari masuk ke dalam stesen minyak berkenaan.

Sejurus masuk ke stesen minyak dan meminta bantuan, lelaki berusia 20-an itu, rebah di depan kaunter pembayaran dan mati tidak lama selepas itu.

Mangsa sebelum itu diserang sekumpulan lelaki di tepi stesen minyak berkenaan sebelum dia ditikam dan ditetak penjenayah terbabit. Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Muhd Fuad Talib, berkata polis menerima maklumat mengenai kejadian itu jam 11 malam dan sepasukan anggota dihantar ke tempat kejadian.

"Mangsa mati di depan kaunter pembayaran selepas dia berlari masuk ke dalam stesen minyak untuk meminta bantuan selepas diserang.

"Suspek yang menyerang mangsa melarikan diri sebaik lelaki masuk ke dalam stesen minyak," katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini, semalam.

Beliau berkata, mayat mangsa mempunyai beberapa kesan tikaman menggunakan senjata tajam di dada dan belakang badan selain tetakan di kepalanya.

Menurutnya, siasatan polis di tempat kejadian menemui parang dan pisau di dalam longkang dipercayai digunakan penjenayah untuk menyerang mangsa.

Muhd Fuad berkata, polis percaya lelaki itu diserang orang yang dikenalnya dan tidak menolak kemungkinan kejadian terbabit bermotifkan dendam.

"Lelaki itu dipercayai rakyat tempatan berusia 30-an dan polis tidak menemui sebarang dokumen pengenalan diri di sisi mayatnya. "Ketika ditemui, dompet duit mangsa yang mengandungi sejumlah wang tunai masih bersamanya dan polis menolak kemungkinan kes itu bermotifkan rompak," katanya.

Muhd Fuad berkata, polis akan menghantar pita rakaman kamera litar tertutup (CCTV) stesen minyak berkenaan ke Unit Forensik untuk membantu siasatan.

Sepasukan polis Forensik dan Unit Anjing Pengesanan turut dikejarkan ke stesen minyak berkenaan bagi membantu kerja penyiasatan. Mayat mangsa dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat dan polis mengklasifikasikan kes berkenaan sebagai bunuh dan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Polis meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya di talian 03-89484822 atau balai polis berhampiran.

Tajuk Artikel: Perdana Menteri Kembali Dari Menghadiri Sidang Kemuncak Arab

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat



KEPULANGAN... Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (kiri) disambut oleh orang ramai setibanya di Lapangan TUDM Subang. Turut menyambut kepulangan beliau ialah Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Mohd Ali Rustam selepas menghadiri Sidang Kemuncak Arab sesi ke 19 di Riyadh. *Foto: Mazlan Samion*

PETALING JAYA, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selamat kembali ke tanah air Khamis malam selepas menghadiri Sidang Kemuncak Arab sesi ke 19 di Riyadh, Arab Saudi.

Abdullah telah dijemput oleh Raja Arab Saudi Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Soud serta Setiausaha Agung Liga Arab Amr Moussa ke sidang kemuncak itu atas kapasitinya sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Abdullah yang diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang dekat sini pukul 9.50 malam dan disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pada sidang kemuncak itu, Abdullah turut menyampaikan ucapannya menyarankan negara-negara anggota Liga Arab dan OIC serta pertubuhan lain supaya mengambil

daya usaha menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi dunia Arab dan Islam, yang antaranya sudah lama berlanjutan.

Pada lawatan itu, Abdullah turut mengadakan perbincangan dengan Raja Jordan Raja Abdullah II, Perdana Menteri Lubnan Fuad Sinioraa, Naib Presiden Indonesia Jusuf Kalla, dan Amr Moussa. -- BERNAMA

Tajuk Artikel: Perdana Menteri Lancar Sistem Baru Pembangunan Tanah 13 April

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan sistem baru pembangunan tanah 13 April ini, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata sistem itu, jika dilaksanakan sebaik-baiknya, merupakan satu lonjakan besar daripada segi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Sistem baru itu merupakan usaha berterusan kerajaan dalam mempertingkatkan sistem penyampaian di negara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Najib berkata usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan sekarang terutama dalam meningkatkan taraf hidup rakyat telah banyak menampakkan kemajuan.

Najib juga berkata mesyuarat hari ini mengambil keputusan agar jentera pilihan raya Umno bekerja keras membantu Barisan Nasional mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Melaka kawasan Machap pada pilihan raya kecil bulan depan walaupun kerusi itu bukan ditandingi calon Umno.

"Sungguhpun ianya merupakan kerusi MCA tetapi Umno akan berjuang habis-habisan bagi menentukan Barisan Nasional dapat mempertahankan kerusi itu dengan keputusan lebih cemerlang," katanya.

Penamaan calon ialah pada 3 April dan pengundian ditetapkan pada 12 April bagi kerusi itu yang kosong berikutan kematian Datuk Wira Poh Ah Tiam, 55, pengerusi MCA Melaka pada 15 Mac lepas.

Najib berkata Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam telah memberi taklimat kepada MT mengenai persiapan pilihan raya kecil itu.

Beliau berkata pembangkang tidak mempunyai isu tempatan untuk diketengahkan ekoran khidmat cemerlang mendiang Poh dan kerajaan negeri di kawasan itu.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Ramlan Tamat Tugas Datuk Bandar Shah Alam

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Ramlan Othman hari ini mengakhiri tugasnya sebagai Datuk Bandar Shah Alam setelah setahun dilantik secara kontrak menerajui Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Ramlan, 57, merupakan Datuk Bandar Shah Alam keempat selepas menggantikan Datuk Ramli Mahmud yang dilantik Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Bercakap kepada media selepas menjalankan tugas terakhirnya mempengerusikan mesyuarat bulanan MBSA di sini hari ini, beliau berkata sepanjang tempoh setahun berkhidmat di MBSA segala urusan berjalan lancar dan semangat kerja berpasukan sentiasa ditekankan.

Ramlan memulakan kerjayanya dalam kerajaan sebagai Pegawai Tadbir Daerah pada 1973 dan pernah bertugas sebagai Pegawai Daerah Hulu Langat, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tugas Datuk Bandar Shah Alam kini dipangku oleh Timbalan Datuk Bandar MBSA Mokhtar Hani.
--BERNAMA

Tajuk Artikel: Undang-Undang Kawal Sungai Akan Digubal

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Kerajaan bercadang untuk menggubal satu undang-undang sungai bagi mengatasi masalah pencemaran sungai dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan saluran dan parit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sazmi Miah, berkata satu kertas kerja sedang disediakan untuk dibentangkan kepada kabinet.

"Bagaimanapun agensi yang akan menguatkuasakan undang-undang ini belum ditetapkan lagi, sama ada pihak berkuasa tempatan atau Jabatan Alam Sekitar," katanya di Dewan Rakyat hari ini ketika menjawab soalan Hamim Samuri (BN-Ledang).

Buat masa ini, selain daripada garis panduan, belum ada peruntukan undang-undang secara khusus mengenai pemeliharaan sungai. Sazmi berkata kementerian tidak bercadang memberi kuasa kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menguatkuasakan undang-undang.

JPS, katanya, hanya dipertanggungjawabkan untuk kerja perancangan dan pengurusan sungai di seluruh negara termasuk melaksanakan fungsi kerja tebatan banjir. -- BERNAMA

Tajuk Artikel: Konflik Dunia Islam: Anggota Liga Arab Sependapat Dengan OIC

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat

Daripada R. Ravichandran

RIYADH, 29 Mac (Bernama) -- Negara-negara Liga Arab sependapat dengan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) supaya satu usaha konkrit yang disokong secara bersama dilaksanakan bagi menyelesaikan pelbagai konflik yang dihadapi dunia Arab dan umat Islam, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata harapan Malaysia selaku Pengerusi OIC supaya pelbagai usaha diambil bagi menyelesaikan isu sama ada yang baru atau yang sudah lama berlarutan mendapat sokongan banyak pihak khususnya pemimpin yang menghadiri Sidang Kemuncak Arab di sini semalam.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas berucap pada majlis perasmian Sidang Kemuncak Arab ke-19 di sini, Perdana Menteri berkata sokongan itu dinyatakan sendiri oleh pemimpin itu sejurus selepas beliau menyampaikan ucapan selama 20 minit yang menyentuh pelbagai konflik yang dihadapi termasuk isu Palestin.

"Ada yang datang berjumpa saya dan mengucapkan terima kasih sambil menyifatkan ucapan saya sebagai berterus terang dalam melihat pelbagai masalah yang dihadapi oleh dunia Arab dan Islam hari ini.

"Komentator dari TV (Arab) Saudi juga kata ini satu sikap persahabatan... ucapan yang saya beri lahir daripada sikap persahabatan," katanya yang pertama kali berkesempatan berucap selaku Pengerusi OIC di Sidang Kemuncak Arab.

Dalam ucapannya, Abdullah antara lain meminta anggota Liga Arab, OIC serta pertubuhan lain supaya bersatu bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang membelenggu dunia Arab dan Islam pada masa ini sejajar dengan rasa tanggungjawab mereka kepada tuhan dan kepada rakyat yang sengsara akibat pelbagai konflik.

Perdana Menteri juga berkata kandungan ucapannya turut menegur pemimpin Islam yang mewujudkan konflik apabila dalam usaha menjaga kepentingan nasional sesebuah negara dan memenuhi komitmen kepada apa yang dipersetujui dalam sesuatu isu, ia telah melemahkan lagi perpaduan dalam kalangan negara terbabit.

"Jadi bila jadi begini kuranglah kekuatan untuk menjayakan apa yang diputuskan... kurang perpaduan," katanya.

Ditanya mengenai reaksi pemimpin berkenaan terhadap tegurannya itu, beliau berkata ia turut diterima secara terbuka.

"Pemimpin-pemimpin yang (duduk) berdekatan... mereka ucap tahniah dan puji pendirian yang saya ambil kerana ia merupakan fakta," kata Abdullah. Beliau berkata sewajarnya dalam membuat keputusan melalui usul yang diterima oleh semua negara dalam sesuatu pertubuhan seperti Liga Arab dan OIC, harus dipastikan keputusan itu dilaksanakan sepenuhnya bagi memastikan isu yang dihadapi dapat diatasi.

"Pengalaman-pengalaman lalu (dalam hal ini) lebih mengecewakan daripada menggembirakan," katanya.

Abdullah berkata jemputan dan kehadiran pemimpin bukan negara Arab dalam persidangan ini merupakan satu perkembangan yang baik kerana bilangan umat Islam yang terbesar sebenarnya terdapat di luar negara Arab.

Katanya banyak isu berkaitan umat Islam turut mempunyai impak dan dirasai oleh umat Islam di negara bukan Arab.

Mengenai pertemuan beliau dengan Raja Jordan Raja Abdullah II, Perdana Menteri berkata beliau menjelaskan kepada Raja Abdullah bahawa apa juga penyelesaian kepada masalah Israel-Palestin perlu mengambil kira bahawa rakyat Palestin yang kini menjadi pelarian perlu dibenarkan kembali ke tanah air mereka dan Baitulmaqdis Timur perlu menjadi ibu kota negara Palestin apabila sebuah negara Palestin yang merdeka menjadi kenyataan.

Katanya, beliau turut berbincang dengan Setiausaha Agung Liga Arab Amr Moussa dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu Ban Ki-moon. Beliau berkata Amr Moussa mengakui bahawa antara perkara yang menjadi masalah dalam isu Palestin ialah Amerika Syarikat tidak tegas dalam memastikan Israel mematuhi komitmen yang diberikan.

"Nampaknya Amerika Syarikat lebih memihak kepada Israel," kata Abdullah. Perdana Menteri berkata beliau akan melakukan lawatan ke Sudan, Kenya dan Namibia tidak lama lagi.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Ada Wang Malaysia Tidak Bermakna Rakyat Malaysia, Kata Abdullah

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat

Daripada R. Ravichandran

RIYADH, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penahanan kumpulan tertentu yang memiliki mata wang Malaysia oleh pihak berkuasa Thailand belum lagi membuktikan kumpulan berkenaan disertai rakyat Malaysia, mendapat latihan di Malaysia atau merancang sesuatu di Malaysia.

"Tanpa ada bukti-bukti lain... saya nafikan mereka itu rakyat Malaysia atau orang berkenaan dilatih di Malaysia," kata Perdana Menteri kepada pemberita ketika ditanya mengenai penahanan lapan lelaki dan tiga wanita yang disyaki pemberontak, dalam satu serbuan di kawasan wilayah selatan Thailand yang bergolak awal pagi Rabu, dan merampas beberapa senjata api serta komponen membuat bom, dan juga mata wang Malaysia serta Thailand.

Namun, katanya kebiasaannya apa juga maklumat yang diberikan oleh pihak berkuasa Thailand terutama apabila diiringi dengan bukti-bukti maka pihak berkuasa Malaysia akan membuat siasatan.

"Kita tidak pernah ketepikan (maklumat yang diberikan)," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata adalah mudah untuk mana-mana rakyat Thailand keluar masuk ke Malaysia dan dengan itu membolehkan mereka memiliki mata wang negara ini kerana Malaysia dan Thailand adalah dua negara jiran yang bersebelahan.

Abdullah berkata ini tidak bermakna tahap keselamatan adalah longgar kerana mereka yang masuk itu memiliki dokumen.

Mengenai isu dua kerakyatan, beliau berkata kedua-dua negara telah bersetuju menyelesaikannya melalui membandingkan serta menyiasat senarai nama-nama yang disyaki memiliki dua kerakyatan menerusi sistem biometrik.

Ditanya mengenai Malaysia sering dituduh menjadi tempat perlindungan pihak tertentu, Perdana Menteri berkata: "Itu merupakan tuduhan yang sering kita dengar... kita tetap siasat. Selama ini tidak ada kes, kalau ada kita ambil tindakan."

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita Malaysia sebelum berlepas ke Jeddah selepas berucap pada Sidang Kemuncak Arab Ke-19 di sini hari Rabu.-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Lubnan Harapkan Bantuan Malaysia, Kata Abdullah

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat



[MALAYSIA AKAN BANTU... Abdullah Ahmad Badawi ketika mengadakan pertemuan dengan rakan](#)

sejwatnya dari Lubnan, Fouad Siniora selepas pembukaan rasmi Sidang Kemuncak Arab ke-19 di Riyadh. Lubnan yang dilanda kemusnahan akibat serangan Israel tahun lepas mengharapkan bantuan Malaysia berkaitan pemulihan dan pembangunan semula negara itu. *Foto: Razali Nordin*

Daripada R. Ravichandran 

RIYADH, 29 Mac (Bernama) -- Lubnan yang dilanda kemusnahan akibat serangan Israel tahun lepas mengharapkan bantuan Malaysia berkaitan pemulihan dan pembangunan semula negara itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari Rabu.

Perdana Menteri berkata perkara itu dinyatakan oleh rakan sejwatannya dari Lubnan, Fouad Siniora dalam perbincangan dua hala di luar sesi Sidang Kemuncak Arab di sini.

Katanya Siniora telah meminta Malaysia menyegerakan penghantaran pasukan daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia berkaitan beberapa projek yang hendak dikaji untuk dilaksanakan di negara itu.

Abdullah berkata ini adalah berkaitan dengan projek e-Kerajaan dan kad pintar.

"Tidak ada masalah... kita sedia membantu," kata Perdana Menteri.

Katanya program kerjasama teknikal Malaysia juga boleh digunakan untuk membantu Lubnan.

Abdullah berkata dalam perbincangan itu beliau lebih menekankan tentang pentingnya pembangunan modal insan.

Katanya Siniora juga mengharapkan Malaysia terus membantu dalam tindakan diplomasi bagi membantu pemulihan keadaan politik di Lubnan sekarang.

"Saya berpendapat Malaysia boleh jadi contoh kepada Lubnan bagaimana hidup dalam satu negara berbilang kaum dan agama," katanya.

Mengenai perbincangan dengan Naib Presiden Indonesia Jusuf Kalla, Abdullah berkata pemimpin Indonesia itu berpuas hati dengan kerjasama dua hala sekarang.

Katanya adalah jelas sekali syarikat-syarikat Malaysia begitu aktif membuat pelaburan di negara tersebut dan ingin mengukuhkan kerjasama dalam bidang ekonomi.

"Jadi tentulah Malaysia dapat mewujudkan peluang kerja kepada rakyat Indonesia selain hasil produk untuk eksport. Beliau berpuas hati kerjasama seperti itu," katanya.

Abdullah berkata perlu juga kerjasama dalam bidang berkaitan kelapa sawit terutama dalam bidang hiliran industri kelapa sawit.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel: Rakyat Malaysia Perlu Jadikan Membaca Sebahagian Cara Hidup

Sumber / Tarikh: Bernama Online 30 Mac 2007 – Jumaat

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berharap rakyat Malaysia akan dapat mengikut langkah rakyat negara-negara maju dengan menjadikan membaca sebagai sebahagian daripada amalan dan cara hidup.

Beliau berkata adanya keperluan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pembaca yang berasaskan pengetahuan, dengan kemampuan tanpa had untuk mempelajari, membuat kajian dan menerokai, yang dapat memacu negara ke tahap yang lebih tinggi.

Najib berkata program membaca dan sastera membawa masyarakat ke barisan hadapan, menghubungkan kumpulan sosial dan individu selain turut meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam ekonomi yang semakin mencabar pada abad ke-21.

"Oleh kerana itu, kerajaan terus memainkan peranan secara aktif mempromosikan aktiviti membaca dan sastera," katanya, sambil menambah bahawa bagi Malaysia, ia sedang cuba dilaksanakan dengan lebih hebat oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Pelajaran.

Najib berkata demikian ketika merasmikan Festival Sastera Antarabangsa Kuala Lumpur di sini Rabu malam. Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga penaung festival itu.

Najib menggariskan tiga pendekatan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara pembaca dengan yang pertama ialah mempertingkatkan pembangunan infrastruktur sastera di peringkat nasional dan negeri bagi menyokong aktiviti membaca dan sastera menerusi penubuhan kampung buku, pasar buku, jaringan, perkongsian, organisasi sastera, perpustakaan dan penerbitan.

Kedua, kata beliau, ialah mendorong minat terhadap sastera tempatan dengan mengiktiraf dan menggalakkan penulis tempatan menerusi anugerah, pelancaran penerbitan, penyiaran dan pembacaan mereka.

Ketiga dengan melibatkan komuniti dalam aktiviti sastera menerusi penawaran kelab buku, program bacaan di perpustakaan, tempat kerja dan pusat komuniti.

Najib berkata karya sastera, kerana pengaruhnya yang besar dalam mewujudkan iklim persahabatan intelektual dan persefahaman bersama, mempunyai kewajiban untuk menggalakkan tidak saja kemajuan sosial dan ekonomi tetapi juga persefahaman dan kerjasama aman antarabangsa.

"Yang demikian, aliran bebas buku-buku antara negara adalah amat penting," ujar beliau.

Penyajak, pengarang, dan pakar-pakar sastera dari Australia, Kanada, Republik Czech, Jerman, Indonesia, Ireland, New Zealand, Singapura, Sri Lanka, United Kingdom dan Malaysia berhimpun menyertai pelbagai aktiviti sastera di festival itu.-- BERNAMA

